

NOTA

CUKUP MAKAN

T5



© ISMAIL & CHE FATIMAH



SEJARAH SPM 2022



TINGKATAN 5

BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA

1. Apakah maksud kedaulatan?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Kekuasaan tertinggi	Dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas
2	Sesebuah negara mempunyai hak	Untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara

2. Jelaskan jenis kedaulatan yang wujud pada sesebuah negara.

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Kedaulatan tradisional	Kedaulatan tradisional terletak pada kekuasaan dan kewibawaan raja
2	Kedaulatan moden	Dikaitkan dengan idea kemunculan negara bangsa
3	Kedaulatan undang-undang	Kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi
4	Kedaulatan antarabangsa	Merujuk kepada pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap sesebuah negara

3. Bincangkan langkah-langkah untuk mempertahankan kedaulatan negara

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Mewujudkan politik yang stabil	Elakkan amalan rasuah dalam pentadbiran
2	Mewujudkan ekonomi yang makmur	Agihan kekayaan negara yang adil kepada rakyat
3	Mengekalkan perpaduan kaum	Membuat program dan kempen yang memupuk perpaduan kaum
4	Memupuk patriotisme	Subjek Sejarah dijadikan subjek teras
5	Mengukuhkan pertahanan negara	Memodenkan aset ketenteraan

4. Pada pandangan anda, apakah cabaran yang dihadapi untuk mengekalkan kedaulatan negara kita? (**RUKUN NEGARA**)

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Tidak amalkan ajaran AGAMA	Tidak mempunyai akhlak yang baik
2	Tidak setia kepada RAJA dan NEGARA	Mungkin akan menjadi pengkhianat negara
3	Tidak hormat pada PERLEMBAGAAN	Akan wujudkan suasana tidak harmoni
4	Tidak patuh pada UNDANG-UNDANG	Kadar jenayah akan meningkat

BAB 2 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

1. Apakah perlembagaan?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Undang-undang tertinggi	Menjadi teras pemerintahan sesebuah negara

2. Apakah yang menjadi asas rujukan kepada pembentukan perlembagaan negara kita?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Undang-Undang Negeri Melayu	Raja menjadi pemerintah
		Sistem pemerintahan dan undang-undang ditentukan oleh raja
2	Undang-Undang Inggeris	British perkenalkan undang-undang di Negeri-Negeri Selat
		Diambil daripada undang-undang di England

3. Terangkan sejarah pengubalan Perlembagaan Persekutuan

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	1877 – Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak diadakan	Menjadi asas kepada pembentukan undang-undang negara
2	1946 – Pengubalan undang-undang di NNS, NNMB dan NNMTB	Di gubal oleh Majlis Undangan Negeri (NNS), Majlis Persekutuan (NNMB) dan Majlis Negeri (NNMTB)
3	1948 – Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu diadakan	Menjadi titik penting pembentukan Persekutuan yang terdiri daripada negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang
4	1957 – Pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu / Suruhanjaya Reid	Perlembagaan PTM digubal dan menjadi asas kepada perlembagaan negara kita pada hari ini

4. Huraikan dua ciri utama Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Ciri Tradisional	Sistem pemerintahan beraja
		Agama Islam
		Bahasa Melayu
		Kedudukan orang Melayu dan Bumiputera
2	Ciri Moden	Kerajaan persekutuan
		Sistem demokrasi berparlimen
		Kewarganegaraan

5. Jelaskan pindaan yang pernah dilakukan dalam Perlembagaan Persekutuan

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Pindaan Perlembagaan 1963	Mahkamah Atasan / Mahkamah Persekutuan diwujudkan di PTM, Sarawak dan Sabah serta di Singapura
		Mahkamah Tinggi Borneo dibentuk
		Jawatan Yang di-Pertua Negeri diwujudkan di Sarawak dan Sabah

2	Pindaan Perlembagaan 1965	Dinamakan Pindaan Singapura
		Semua perkara berkaitan dengan Singapura dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia
		Contoh : Imigresen, Kewangan dan Pertahanan

6. Pada pandangan anda, mengapakah masih wujud rakyat yang tidak mematuhi dan menghormati Perlembagaan Persekutuan? (**RUKUN NEGARA**)

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Tidak amalkan ajaran AGAMA	Tidak mempunyai nilai murni
2	Tidak setia kepada RAJA	Tidak ada semangat patriotic
3	Tidak setia kepada NEGARA	Terlalu hormat negara asing
4	Tidak patuh pada UNDANG-UNDANG	Hanya pentingkan diri sendiri

BAB 3 : RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

1. Nyatakan maksud Raja Berperlembagaan

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Pemerintahan beraja diteruskan	Berasaskan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan
2	Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan	Menjadi Ketua Utama Negara
3	Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa dan tugas tertentu	Termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan
4	Raja diiktiraf sebagai pemerintah tertinggi negara	Rakyat berhak memilih wakil melalui pilihan raya

2. Terangkan sejarah Institusi Majlis Raja-Raja di negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	1897 – DURBAR dibentuk di NNMB	Sebuah majlis persidangan bagi Raja-raja NNMB membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan British
2	1946 – Majlis Sultan-Sultan ditubuhkan di Malayan Union	Membincangkan undang-undang berkaitan dengan agama Islam dan menasihati Gabenor tentang perkara yang dibangkitkan oleh Raja-raja Melayu
3	1948 – Majlis Raja-Raja ditubuhkan	Majlis Raja-Raja menjadi institusi yang dilengkapi dengan kuasa dan sekretariat
4	1957 – Majlis Raja -Raja dikekalkan	Anggotanya ditambah dengan Yang di-Pertua Negeri Melaka, Pulau Pinang (1957), Sarawak dan Sabah (1963)

3. Nyatakan fungsi Majlis Raja-Raja

	ISI
1	Memilih Yang di-Pertuan Agong
2	Bersetuju atau tidak bersetuju dengan sebarang undang-undang
3	Memberi nasihat untuk pelantikan jawatan tertentu
4	Menjadi rujukan berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu
5	Menjadi Lembaga Pengampunan
6	Memperkenan perubahan sempadan

4. Huraikan kuasa yang dimiliki oleh Yang di-Pertuan Agong

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Kuasa Eksekutif	Melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri
		Pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia
		Melantik diplomat / duta ke luar negara
2	Kuasa Perundangan	Memanggil dan membubarkan parlimen
		Ketua agama Islam negeri yang tiada Sultan
		Boleh isytiharkan darurat
3	Kuasa Kehakiman	Melantik hakim Mahkamah Atasan
		Memberi pengampunan atas nasihat Lembaga Pengampunan

5. Nyatakan ciri-ciri demokrasi yang diamalkan di negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Mengadakan pilihan raya	Dalam tempoh lima tahun
		Rakyat berhak memilih wakil untuk membentuk kerajaan
2	Jaminan kebebasan asasi kepada rakyat	Hak yang dimiliki oleh individu di sisi undang-undang
		Kebebasan asasi yang dimiliki tertakluk pada sekatan yang ditentukan oleh undang-undang
3	Pengasingan kuasa dalam pemerintahan	Diasingkan kepada Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman
		Kuasa badan ini ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan

6. Apakah kebebasan asasi yang dimiliki oleh rakyat Malaysia berdasarkan Perlembagaan Persekutuan?

	ISI
1	Kebebasan diri
2	Kebebasan beragama
3	Hak berkenaan dengan Pendidikan
4	Kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan

7. Negara kita mengamalkan konsep pengasingan kuasa dalam pemerintahan. Huraikan tiga badan yang wujud dalam Kuasa Pemerintahan negara kita.

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Badan Perundangan	Berfungsi untuk menggubal undang-undang
		Peringkat persekutuan ialah Parlimen
		Parlimen terdiri daripada YDP Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat
2	Badan Eksekutif	Melaksanakan pemerintahan mengikut Perlembagaan Persekutuan
		Peringkat persekutuan ialah Jemaah Menteri
		Bertugas untuk menggubal dasar negara dan melaksanakan pembangunan
3	Badan Kehakiman	Berfungsi untuk mentafsir dan melaksanakan undang-undang
		Diketuai oleh Ketua Hakim Negara
		Kuasa kehakiman dilaksanakan melalui mahkamah

8. Apakah keunikan amalan demokrasi berparlimen yang terdapat di negara kita?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Terdiri daripada gabungan unsur tradisional dan moden dalam pentadbiran	Unsur tradisional terletak pada kedudukan Raja-raja sebagai warisan masyarakat Melayu. Unsur moden ialah demokrasi berparlimen berdasarkan model Westminster England
2	Wujud mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran	Terletak pada pemerintahan beraja yang berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara. Juga terletak pada pengasingan kuasa Badan Perundangan, Eksekutif dan Kehakiman
3	Raja mempunyai kuasa budi bicara	Raja boleh melaksanakan perkara tertentu tanpa mendengar atau menurut nasihat ketua kerajaan. Contoh : pelantikan Perdana Menteri dan pembubaran Parlimen
4	Wujud kerjasama dalam politik	Pelbagai parti politik membuat gabungan untuk membentuk kerajaan

9. Kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam perlembagaan tidak bersifat mutlak, tetapi tertakluk pada sekatan yang ditentukan oleh undang-undang. Pada pandangan anda, apakah yang akan berlaku jika rakyat diberi kebebasan mutlak? **(PESA)**

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	POLITIK tidak stabil	Ahli politik bergaduh
2	EKONOMI negara akan merosot	Perniagaan akan merosot
3	Kehidupan SOSIAL akan terancam	Jenayah berleluasa
4	Amalan AGAMA akan tergugat	Rakyat tidak patuh ajaran agama

BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN

1. Nyatakan maksud persekutuan

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Penyatuan beberapa buah negeri	Dan membentuk sebuah negara bersekutu
2	Wujud kerajaan persekutuan (pusat) dan kerajaan negeri	Wujud pembahagian kuasa antara kedua-dua kerajaan

2. Huraikan sejarah sistem persekutuan di negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	1896 – Persekutuan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	Terdiri daripada negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang
2	1927 – Majlis Mesyuarat Persekutuan	Majlis ini distruktur semula untuk memperkemas tadbir urus Persekutuan dan mengukuhkan kedudukan British di negeri Melayu
3	1946 – Malayan Union	Semua negeri Melayu termasuk Pulau Pinang dan Melaka disatukan dan diketuai oleh Gabenor British
4	1948 – Persekutuan Tanah Melayu (PTM)	Menggantikan Malayan Union. Gabungan semua negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka. Wujud pengagihan kuasa peringkat Persekutuan dan Negeri
5	1957 – Persekutuan Tanah Melayu (PTM)	Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Wujud kerajaan Persekutuan yang kuat.
6	1963 – Persekutuan Malaysia	Gabungan 11 negeri Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura

3. Senaraikan kuasa yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Kerajaan Persekutuan (Pusat)	Pertahanan
		Pelajaran
		Perubatan & Kesihatan
2	Kerajaan Negeri	Undang-Undang Islam
		Tanah
		Kerajaan Tempatan

4. Apakah Senarai Bersama atau kuasa yang dikongsi oleh Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

	ISI
1	Biasiswa
2	Kebudayaan & Sukan
3	Perumahan

5. Kerajaan Tempatan dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berada di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Apakah fungsi Kerajaan Tempatan?

	ISI
1	Menyediakan perkhidmatan pembersihan
2	Mengeluarkan lesen dan kawalan penjaja
3	Membangunkan perumahan awam
4	Menyenggara sistem saliran
5	Menyediakan pasukan bantuan dan penyelamat
6	Mengindahkan kawasan
7	Menyediakan kemudahan awam
8	Menyenggara jalan raya

6. Huraikan kerjasama pembangunan yang pernah berlaku antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Kerjasama pembangunan soioekonomi	Penubuhan FELDA untuk membangunkan tanah baharu
		Pembangunan wilayah seperti PERDA dan DARA
2	Kerjasama pemuliharaan khazanah negara	Pengurusan taman negara
		Pengurusan taman laut
3	Kerjasama penyediaan perumahan rakyat	Projek perumahan awal kemerdekaan
		Projek perumahan mampu milik
4	Kerjasama menjamin keselamatan dan kedaulatan negara	Pemerintahan Keselamatan Daerah Rajang di Sarawak
		Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah

7. Jelaskan faktor yang mengukuhkan Sistem Persekutuan di negara kita.

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Keluhuran perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi	Undang-undang yang digubal oleh Parlimen (Persekutuan) dan DUN (Negeri) tidak boleh bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan
		Jika undang-undang Negeri tidak selaras dengan undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan akan mengatasi undang-undang Negeri
2	Penyelarasan pentadbiran antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	Mesyuarat diadakan antara Perdana Menteri (Persekutuan) dengan Menteri Besar / Ketua Menteri (Negeri)
		Majlis Negara seperti Majlis Tanah Negara ditubuhkan
		Majlis seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN) ditubuhkan

8. Sistem Persekutuan yang diamalkan oleh negara kita telah mewujudkan kemakmuran dan kemajuan kepada negara kita. Nyatakan pendapat anda. **(PESA)**

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	POLITIK negara menjadi stabil	Parti politik amalkan tolak ansur
2	EKONOMI negara meningkat maju	Taraf hidup rakyat meningkat
3	Kemudahan SOSIAL bertaraf dunia	Contohnya ialah ETS dan LRT
4	Rakyat patuh pada ajaran AGAMA	Masyarakat hidup harmoni

BAB 5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA

1. Jelaskan faktor pembentukan Malaysia

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Keselamatan	Wujud ancaman komunis di Singapura dan Sarawak
2	Keseimbangan komposisi penduduk	Kemasukan Singapura menyebabkan jumlah penduduk Melayu dengan Cina tidak seimbang
3	Mempercepatkan kemerdekaan	Kemerdekaan kepada Sarawak dan Sabah
4	Pembangunan wilayah	Boleh meningkatkan taraf hidup peribumi dalam pelbagai aspek

2. Bincangkan langkah-langkah yang diambil dalam proses pembentukan Malaysia

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Mengadakan siri lawatan	Lawatan ke Sabah, Sarawak dan Brunei untuk membuat tinjauan
2	Menubuhkan JSKM	Untuk berbincang dan yakinkan penduduk Sabah dan Sarawak
3	Mengadakan referendum di Singapura	Untuk meninjau pendapat penduduk di Singapura
4	Membuat rundingan di London	Antara kerajaan PTM dengan British dan mereka mencadangkan penubuhan satu suruhanjaya
5	Penubuhan Suruhanjaya Cobbold	Untuk meninjau reaksi penduduk Sabah dan Sarawak, dan hasilnya dua pertiga penduduk menyokong
6	Pembentukan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)	Menyediakan rangka perlembagaan yang menjamin hak dan kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak

3. Nyatakan isi Perjanjian Malaysia yang ditandatangani pada Julai 1963

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Tarikh penubuhan Malaysia	31 Ogos 1963
2	Kedudukan Sarawak, Sabah dan Singapura	Menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia
3	Kedudukan British di Sarawak, Sabah dan Singapura	Kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia diiktiraf oleh British

4	Kabinet negeri di Sarawak dan Sabah	Diberi kelebihan dalam penubuhan kabinet
5	Masa peralihan	Sarawak dan Sabah diberi tempoh masa peralihan dalam bidang pentadbiran, pendidikan dan lain-lain
6	Kerusi Parlimen	Sarawak = 24 kerusi. Sabah = 16 kerusi dan Singapura = 15 kerusi
7	Bumiputera Sarawak dan Sabah	Diiktiraf sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan

4. Terangkan peristiwa pengisytiharan Malaysia yang dilangsungkan pada tahun 1963

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Di Kuala Lumpur	Yang di-Pertuan Agong bacakan pengisytiharan Malaysia di Stadium Merdeka
2	Di Sarawak	Pengisytiharan Malaysia dibaca oleh Khir Johari sebagai wakil Kerajaan Persekutuan di Kuching
3	Di Sabah	Datu Mustapha Datu Harun umumkan pengisytiharan Malaysia di Kota Kinabalu

5. Pembentukan Malaysia melalui pelbagai proses dan cabaran. Apakah usaha anda untuk memastikan kestabilan negara Malaysia terpelihara? (**RUKUN NEGARA**)

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Kepercayaan kepada TUHAN	Tidak melakukan perkara yang tidak baik
2	Kesetiaan kepada RAJA dan NEGARA	Tidak menjadi pengkhianat negara
3	Keluhuran PERLEMBAGAAN	Tidak persoalkan perkara sensitive
4	Kedaulatan UNDANG-UNDANG	Tidak melakukan perbuatan jenayah

BAB 6 : CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

1. Nyatakan isu / cabaran dalaman yang kita hadapi selepas pembentukan Malaysia

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Cabaran pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah	Negara menghadapi cabaran bagi menyeimbangkan pembangunan dan ekonomi di Sarawak dan Sabah
2	Cabaran politik di Sarawak	21 orang ahli Council Negri tidak berpuas hati dengan kepimpinan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri
3	Cabaran perpaduan kaum	Negara kita mempunyai penduduk pelbagai kaum dan jarak antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah yang jauh

2. Jelaskan cabaran yang dihadapi dari segi pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah serta usaha untuk mengatasinya.

	ISI	USAHA MENGATASI
1	Kegiatan ekonomi sara diri	Mempelbagaikan pertanian komersial seperti kelapa sawit dan getah
2	Masih bergantung pada sistem pengangkutan air	Membangunkan sistem pengangkutan dan perhubungan untuk rakyat
3	Peluang pendidikan yang kurang di kawasan pedalaman	Membina sekolah dan melatih guru

3. Terangkan faktor berlakunya pemisahan Singapura daripada Malaysia

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Faktor Politik	Konflik antara pemimpin PAP dengan Perikatan
		Kempen Malaysian Malaysia oleh Lee Kuan Yew
2	Faktor Ekonomi	Singapura tidak berpuas hati dengan cadangan tambahan cukai
		Singapura menuntut pembukaan pasaran Bersama
3	Faktor masalah perkauman	Berlaku rusuhan kaum
		Singapura menuntut hak sama rata bagi semua kaum

4. Terangkan proses pemisahan Singapura daripada Malaysia

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	29 Jun 1965	Rundingan Tun Abdul Razak dengan Lee Kuan Yew gagal
2	1 Julai 1965	Tun Abdul Razak berunding dengan beberapa Menteri untuk berbincang tentang pemisahan
3	Awal Ogos 1965	Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia bersetuju dengan rancangan pemisahan
4	7 Ogos 1965	Persetujuan Singapura keluar daripada Malaysia ditandatangani
5	9 Ogos 1965	Parlimen Malaysia meluluskan rang undang-undang pemisahan Singapura

5. Jelaskan isu ekonomi yang dihadapi selepas penubuhan Malaysia dan usaha yang dijalankan untuk mengatasinya

	ISI	USAHA MENGATASI
1	Negara terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah	Mempelbagaikan kegiatan ekonomi pertanian dan industri pemprosesan
2	Pertanian komersial lain masih kurang diusahakan oleh petani	Mempelbagaikan bidang pertanian terutama kelapa sawit dan koko
3	Taraf hidup rakyat yang berbeza	Mempercepat integrasi dalam kalangan penduduk dan negeri di Malaysia
4	Peluang pekerjaan yang terhad	Pusat latihan vokasional dan teknikal ditubuhkan

5	Masalah kesihatan dan sosial	Menambah baik perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar
---	------------------------------	---

6. Jelaskan faktor berlakunya tragedi hubungan kaum pada 13 Mei 1969 di negara kita

	ISI
1	Kesan daripada ketidakseimbangan ekonomi dan sosial di negara kita
2	Kempen pilihan raya yang menyentuh sensitiviti kaum
3	PKM mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum semasa pilihan raya
4	Perarakan pilihan raya yang menimbulkan kekacauan dan berunsur provokatif

7. Huraikan langkah yang diambil bagi mengatasi masalah peristiwa 13 Mei 1969

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Mengisytiharkan darurat	Perlembagaan digantung dan Parlimen ditangguh
		Perintah berkurung dilaksanakan
2	Penuhuan MAGERAN	Memerintah negara semasa darurat
		Selesaikan masalah perpaduan kaum dan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum
3	Peranan Raja-Raja Melayu	Sultan Perak menasihati rakyat agar menjaga keamanan
		Raja-Raja meminta rakyat bertenang dan mematuhi undang-undang

BAB 7 : MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

1. Apakah maksud perpaduan kaum?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Rakyat daripada pelbagai kaum, agama dan wilayah hidup dengan aman	Hidup dalam masyarakat yang bersatu
2	Mereka memberikan komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan	Berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

2. Apakah maksud integrasi nasional?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Satu proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat	Hubungan masyarakat antara negeri dan wilayah bagi membentuk satu bangsa
2	Untuk mewujudkan masyarakat yang mempunyai identiti sendiri	Identiti yang berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

3. Nyatakan faktor yang menyebabkan berlakunya masalah perpaduan kaum di negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Pentadbiran British	British membawa masuk pekerja dari luar untuk bekerja di lombong dan ladang
2	Kegiatan ekonomi dan petempatan semasa pemerintahan British	Petempatan rakyat berbeza mengikut kegiatan ekonomi

3	Sistem pendidikan di zaman British	Pendidikan vernakular muncul semasa pemerintahan British
4	Fahaman politik sebelum kemerdekaan	Penubuhan parti politik mengikut kaum yang berjuang untuk kepentingan kaum masing-masing

4. Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk memperkasakan perpaduan kaum di negara kita?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Usaha dalam bidang politik	Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara Menubuhkan Majlis Perundingan Negara
2	Usaha dalam bidang ekonomi	Memperkenalkan DEB dan DPN Memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar dan wilayah
3	Usaha dalam bidang sosial	Menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan Memperkasakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

5. Terangkan latar belakang Dasar Pendidikan Kebangsaan

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Dasar Pendidikan Kebangsaan bertujuan untuk memupuk perpaduan kaum	Dasar ini dilaksanakan melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 / Penyata Razak 1956
2	Matlamat dasar ini adalah untuk mengadakan sistem pendidikan yang dapat memenuhi keperluan negara	Juga untuk melahirkan rakyat yang berilmu, seimbang dan harmoni serta menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran negara
3	Semua dasar pendidikan telah disemak semula pada tahun 1960	Hasilnya ialah Laporan Rahman Talib dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 dikeluarkan

6. Jelaskan kajian yang pernah dilakukan berkaitan dasar pendidikan di negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Laporan Rahman Talib	Laporan Rahman Talib menjadi asas kepada pengubalan Akta Pelajaran 1961 dan penyemakan Dasar Pendidikan Kebangsaan seterusnya
2	Kajian Aminuddin Baki	Laporan Rahman Talib telah dibuat penambahbaikan dan dilaksanakan sepenuhnya melalui Kajian Aminuddin Baki
3	Laporan Jawatankuasa Kabinet	Mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan. Hasilnya ialah KBSR, KBSM dan Falsafah Pendidikan Negara diperkenalkan
4	Akta Pelajaran 1996	Kedudukan bahasa kebangsaan diperkukuh dengan menjadikannya sebagai bahasa pengantar utama dan wajib dipelajari di semua sekolah dan institusi pendidikan

7. Jelaskan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan	Akta ini dikuatkuasakan pada 1 Julai 1971
2	Dijadikan bahasa rasmi pentadbiran	Digunakan sepenuhnya di mahkamah pada tahun 1990
3	Memperkasakan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan	Banyak Sekolah Menengah Kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu dibuka
4	UKM menjadi pusat keilmuan Bahasa Melayu	UKM menjadi universiti pertama memperkenalkan kursus pengajian dalam Bahasa Melayu

8. Mengapakah masih terdapat rakyat di negara kita yang tidak menghormati bahasa kebangsaan?. (**RUKUN NEGARA**)

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Tidak setia kepada RAJA	Tidak patuh arahan pemimpin
2	Tidak setia kepada NEGARA	Lebih suka guna bahasa negara lain
3	Tidak hormat PERLEMBAGAAN	Tidak hormat bahasa kebangsaan yang termaktub dalam perlembagaan
4	Tidak patuh pada UNDANG-UNDANG	Tidak ada kesedaran diri

9. Jelaskan Dasar Kebudayaan Kebangsaan negara kita

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Sejarah pembentukan	Dasar ini telah digubal dan diperakui melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971
2	Prinsip utama	Berteraskan kebudayaan asal rantau Melayu
		Unsur kebudayaan lain yang sesuai diterima
3	Matlamat	Islam menjadi unsur yang penting
		Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara.
		Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan.
4	Agensi pelaksana	Memperkaya dan mempertimbangkan kualiti kehidupan yang seimbang
		Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara, Majlis Kebudayaan Negeri, Istana Budaya serta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)

10. Bagaimanakah sukan dapat memupuk perpaduan di negara kita?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Pelaksanaan sukan dalam Pendidikan	Dijadikan aktiviti kokurikulum di sekolah
2	Penubuhan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)	Menjadi medan untuk atlet menunjukkan kebolehan dan memupuk perpaduan

3	Penganjuran pelbagai aktiviti sukan	Penganjuran sukan peringkat serantau dan antarabangsa dapat menyatukan masyarakat berbilang kaum
4	Penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA)	SUKMA bertujuan untuk mengeratkan hubungan kaum dan integrasi antara negeri

BAB 8 : MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

1. Apakah Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Merupakan kesinambungan DEB	Tempoh selama 10 tahun
2	Usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju	Selaras dengan Wawasan 2020
3	Matlamat – mencapai perpaduan negara	Melalui pengagihan kekayaan
4	Objektif – mewujudkan masyarakat yang bersatu padu	Dengan mengukuhkan kestabilan sosial dan politik serta pembangunan ekonomi yang berterusan

2. Apakah strategi yang dilakukan dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN) untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat?

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Bidang ekonomi	Pelibatan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi negara Pelaksanaan program tanaman semula
2	Bidang sosial	Memberikan insentif dan kemudahan dalam pendidikan Membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif
3	Kemudahan Fizikal dan Alam Sekitar	Melaksanakan pembangunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar Menyedia dan menambah baik kemudahan asas dalam negara

3. Bincangkan langkah yang diambil untuk mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Membasmi kemiskinan	Pemberian subsidi dan sokongan diteruskan kepada petani
2	Menyusun semula masyarakat	Melalui pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)
3	Menyusun semula modal saham	Supaya pemilikan saham bumiputera mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus
4	Meneruskan rancangan pembangunan wilayah	Konsep pertanian pintar dilaksanakan

4. Jelaskan kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dalam bidang sosial

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Penurunan kadar kemiskinan	Kerana bertambahnya peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan isi rumah
2	Peningkatan kualiti kehidupan	Contoh - dalam aspek pendidikan dan kesihatan rakyat
3	Kemunculan golongan pertengahan	Contoh – golongan profesional dan teknikal
4	Munculnya masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera	Contoh – Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhari
5	Pembangunan dalam pendidikan	Peningkatan jumlah institusi pendidikan awam dan swasta
6	Kemajuan dalam pengangkutan dan perhubungan	Pembinaan sistem jalan raya, udara, kereta api dan pelabuhan yang moden
7	Kemunculan bandar baharu	Contoh – Bandar Tun Abdul Razak, Jengka

5. Terangkan kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dalam bidang ekonomi

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Perkembangan industri berteknologi tinggi	Melibatkan penggunaan jentera moden, kemahiran tinggi dan modal yang besar
2	Wujudnya kawasan perindustrian baharu	Contoh – Kulim Hi-Tech Park, Kedah
3	Pembuatan kenderaan buatan Malaysia	Contoh – PROTON, PERODUA dan MODENAS

6. DPN perlu diteruskan lagi demi kesejahteraan negara. Setujukah anda? (PESA)

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Setuju	
2	Dapat stabilkan POLITIK negara	Mewujudkan sistem pemerintahan yang cekap
3	Dapat tingkatkan EKONOMI negara	Pendapatan rakyat akan meningkat
4	Dapat tingkatkan kemudahan SOSIAL	Rakyat menikmati kemudahan awam taraf dunia

BAB 9 – DASAR LUAR MALAYSIA

1. Jelaskan pelibatan dan sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Mendukung Piagam PBB	Malaysia tidak campur tangan dalam urusan hal ehwal negara lain
2	Terlibat dalam Agensi PBB	Contoh – agensi UNESCO & WHO
3	Sumbangan dalam Misi Pengaman	Contoh – di Lubnan & Congo
4	Menyertai misi pegawai pemerhati	Contoh – di Iraq & Congo
5	Penyertaan tokoh Malaysia dalam agensi PBB	Contoh – Tan Sri Razali Ismail menjadi wakil khas Setiausaha Agung PBB ke Myanmar

2. Nyatakan penyertaan dan sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Komanwel

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Menyertai Rancangan Colombo	Bertujuan untuk menangani masalah kemiskinan dalam negara Komanwel
2	Kerjasama dalam bidang pertahanan	Menandatangani perjanjian kerjasama pertahanan dengan Britain pada tahun 1957
3	Kerjasama dalam bidang ekonomi	Kadar cukai yang lebih rendah antara negara Komanwel
4	Menentang Dasar Aparteid	Dasar yang membezakan hak seseorang berdasarkan warna kulit dan dilaksanakan di Afrika Selatan
5	Menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM)	Menjadi tuan rumah pada tahun 1989
6	Menyertai Sukan Komanwel	Menjadi tuan rumah pada tahun 1998

3. Jelaskan pelibatan dan sumbangan Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

	ISU	LANGKAH
1	Mencadangkan konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)	Diumukna di Kuala Lumpur pada tahun 1971
2	Terlibat secara aktif dalam penyelesaian konflik serantau	Contohnya di Vietnam dan Kemboja
3	Mengadakan kerjasama ekonomi dengan negara anggota ASEAN	Melaksanakan Projek Industri ASEAN (AIP)
4	Menjalinkan Kerjasama sosial dengan negara anggota ASEAN	Mengadakan kerjasama dalam bidang pendidikan, kebudayaan dan sukan

4. Apakah peranan Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)?

	ISU	LANGKAH
1	Menjadi tuan rumah sidang kemuncak dan menjadi pengerusi	Menjadi tuan rumah pada tahun 2003 dan menjadi pengerusi NAM dari tahun 2003 hingga 2006
2	Memainkan peranan dalam politik	Membangkitkan isu Aparteid dan penindasan di Bosnia dan Herzegovina
3	Menekankan dasar keamanan dan berkecuali	Mahukan Asia Tenggara diterima sebagai kawasan berkecuali dan tiada campur tangan dari kuasa besar

5. Terangkan sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

	ISU	LANGKAH
1	Mencadangkan penubuhan OIC	Tunku Abdul Rahman mencadangkan agar diwujudkan sebuah pertubuhan Islam untuk menjaga kepentingan masyarakat Islam seluruh dunia
2	Menjadi Setiausaha Agung OIC yang pertama	Tunku Abdul Rahman menjadi Setiausaha Agung pertama dari tahun 1970 hingga 1974
3	Menjadi Pengerusi OIC	Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi Pengerusi OIC pada tahun 2003

4	Terlibat dalam pembangunan Pendidikan	Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) ditubuhkan dan pelajar dari negara OIC diberi biasiswa untuk belajar di UIAM
5	Berusaha menangani isu politik di negara Islam	Menyuarakan pandangan dan memberi sokongan terhadap negara Islam yang menghadapi masalah seperti di Palestin, Afghanistan dan perang Iran-Iraq
6	Terlibat dalam pembangunan ekonomi	Terlibat dengan aktif untuk membangunkan ekonomi negara anggota OIC seperti menyokong aktiviti Islamic Development Bank (IsDB)

BAB 10 – KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

1. Jelaskan isu global yang dihadapi oleh negara kita dan langkah yang diambil untuk mengatasinya

	ISU	LANGKAH
1	Penyalahgunaan dadah	Menjatuhkan hukuman berat kepada pesalah dadah
2	Pertindihan sempadan	Membawa kes ke Mahkamah Antarabangsa
3	Kempen antiminyak sawit oleh negara maju	Menyertai pertubuhan RSPO dan mengadakan kempen secara berterusan
4	Pemerdagangan orang	Menguatkuasakan undang-undang dan memberi bantuan kepada mangsa pemerdagangan orang
5	Penyakit berjangkit – AIDS	Melakukan pemeriksaan kesihatan secara berterusan dan memberikan rawatan kepada mangsa

2. Nyatakan peranan yang dilakukan oleh negara kita dalam hubungan ekonomi di peringkat antarabangsa

	ISU	LANGKAH
1	Berusaha meluaskan pasaran ekonomi	Berusaha memudah dan meningkatkan perdagangan sesama anggota ASEAN. Perjanjian AFTA ditandatangani
2	Menentang dominasi ekonomi oleh negara maju	Tidak bersetuju dengan sikap negara maju yang mengenakan pelbagai sekatan dan halangan perdagangan dalam bentuk tarif dan cukai
3	Mengadakan kerjasama pembangunan Ekonomi Segi Tiga	Melibatkan negara Malaysia, Singapura dan Indonesia
4	Berusaha menangani kemelesetan ekonomi	Malaysia mengenakan tambatan ringgit dengan kadar RM3.80 = USD1.00 pada tahun 1997 – 1998
5	Mengantarabangsakan sistem kewangan Islam	Sistem kewangan yang berlandaskan syarak dan menjadi alternatif kepada sistem kewangan konvensional

3. Terangkan pelibatan rakyat Malaysia dalam isu kemanusiaan dan keamanan

	ISU	LANGKAH
1	Isu Palestin	Malaysia berjuang bagi memastikan hak dan keadilan rakyat Palestin mendapat pembelaan Contoh NGO – Aman Palestine & MAPIM
2	Isu Syria	Rakyat Syria mengalami kesengsaraan kerana krisis politik yang berlaku sejak 2011 Contoh NGO – MyCare & GPM
3	Tsunami di Aceh dan Sri Lanka	Bencana Tsunami pada tahun 2004 telah memusnahkan Aceh dan Sri Lanka Contoh NGO – MERCY Malaysia & ABIM

4. Krisis politik yang berlaku di Syria menyebabkan rakyatnya mengalami kesengsaraan hidup. Apakah iktibar yang perlu kita pelajari daripada isu Syria ini? (**RUKUN NEGARA**)

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Percaya kepada TUHAN	Kita perlu amalkan sikap mulia
2	Kesetiaan kepada RAJA & NEGARA	Kita perlu hormat pemimpin
3	Keluhuran PERLEMBAGAAN	Kita perlu hayati perlembagaan negara
4	Kedaulatan UNDANG-UNDANG	Kita perlu patuh pada undang-undang

5. Negara kita memberikan komitmen yang tinggi dalam pemeliharaan alam sekitar. Nyatakan usaha yang dilakukan oleh Malaysia di peringkat antarabangsa untuk mengekalkan kelestarian global

	ISI	HURAIAN / CONTOH
1	Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi pada tahun 1989	Satu usaha menangani isu alam sekitar terutama kesan rumah hijau, kerosakan dan penipisan ozon serta pencemaran yang disebabkan aktiviti manusia yang tidak terkawal
2	Menyertai Sidang Kemuncak Bumi	Malaysia terlibat dalam pengisytiharan Deklarasi Agenda 21 (1992) dan Protokol Kyoto (1997)
3	Mencadangkan Antartika sebagai warisan sejagat	Malaysia telah mendesak PBB mentadbir Antartika dan menjadikan Antartika sebagai warisan manusia sejagat